



6 Oktober 2016  
6 October 2016  
P.U. (A) 252

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (PERAKUAN PEMATUHAN DAN TANDA PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN) (PINDAAN) 2016

### *CONSUMER PROTECTION (CERTIFICATE OF CONFORMANCE AND CONFORMITY MARK OF SAFETY STANDARDS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (PERAKUAN PEMATUHAN  
DAN TANDA PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 dan 150 Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 Oktober 2016.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2010 [*P.U. (A) 253/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “dengan Pengawal” perkataan “mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “pemilik produk yang berdaftar” perkataan “mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal”; dan

(c) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “peraturan ini” dengan perkataan “subperaturan (1)”.

**Pindaan peraturan 4**

3. Subperaturan 4(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “peraturan ini” dengan perkataan “subperaturan (1) atau (2)”.

**Pindaan peraturan 5**

4. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “memberikan kepada Pengawal” perkataan “atau Penolong Pengawal”;
- (b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “kepada Pengawal” perkataan “atau Penolong Pengawal”;
- (c) dalam subperaturan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “kepada Pengawal” perkataan “atau Penolong Pengawal”;
- (d) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(4A) Pemilik produk, pengedar atau peruncit yang disebut dalam subperaturan (2), (3) dan (4) hendaklah menyimpan perakuan pematuhan, salinan perakuan pematuhan atau nombor rujukan perakuan pematuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh perakuan pematuhan itu dikeluarkan atau dari tarikh salinan perakuan pematuhan atau nombor rujukan perakuan pematuhan itu diberikan.”; dan

- (e) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “peraturan ini” dengan perkataan “subperaturan (1), (2), (3), (4) atau (4A)”.

**Pindaan peraturan 6**

5. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah”; dan
- (b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “peraturan ini” dengan perkataan “subperaturan (1), (2) atau (3)”.

### **Pindaan peraturan 7**

#### **6. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—**

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dengan seberapa segera yang praktik” dengan perkataan “dalam tempoh empat belas hari”;
- (b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pemilik produk hendaklah memaklumkan kepada Pengawal mengenai maklumat yang diterima dan tindakan pembaikan yang telah diambil di bawah subperaturan (1) dalam tempoh empat belas hari selepas tindakan pembaikan diambil oleh pemilik produk itu.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subperaturan (1), Pengawal boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, mengarahkan secara bertulis apa-apa tindakan pembaikan yang perlu diambil oleh pemilik produk dan pemilik produk hendaklah menjalankan tindakan pembaikan yang diarahkan sedemikian oleh Pengawal dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengawal dalam arahan itu.”; dan

- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “peraturan ini” dengan perkataan “subperaturan (1), (2) atau (2A)”.